

KHUTBAH JUMAAT

“ANCAMAN AJARAN SESAT MILLAH ABRAHAM”

(7 November 2025M/ 16 Jamadilawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَبِيرِ الْحَكِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَوِيُّ الْمَتِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ. فَقَدْ فَازَ مَنْ اتَّقَى وَخَابَ مَنْ عَصَى.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama memperkuat iman dan takwa kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Tunaikanlah segala perintah-Nya dan tinggalkanlah segala larangan-Nya. Sesungguhnya, iman dan takwa itulah jalan memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia ini dan di akhirat nanti.

Berilah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah leka dengan berbual, bermain telefon dan lain-lain perkara yang boleh menghapuskan pahala Jumaat kita. Pada hari ini, khatib akan membicarakan tajuk yang amat penting buat kita iaitu **“Ancaman Ajaran Sesat Millah Abraham”**.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ
عَنْ سَبِيلِهِ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٥٣)

Maksudnya: *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanku (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*

Sejak kebelakangan ini, terkesan cubaan usaha satu kumpulan ajaran sesat dikenali sebagai ajaran 'Millah Abraham' untuk menghidupkan semula ajaran ini kepada umat Islam di Sarawak. Dari segi latar belakang, ajaran ini berasal dari Bogor, Indonesia dan mula diasaskan oleh Ahmad Musaddeq pada tahun 2012.

Perkataan 'Millah Abraham' atau 'Millah Ibrahim' mengambil sempena istilah 'Millata Ibrahim Hanifa' di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 135 - 138. Maksud sebenar 'Millah' dalam bahasa Arab ialah 'agama' dan 'Ibrahim' bermaksud 'Nabi Ibrahim *alaihissalam*' manakala '*hanifa*' bermakna 'lurus, mustaqim dan addin'. Maka keseluruhan pengertian 'Millah Ibrahim atau Millah Abraham' bermaksud agama Nabi Ibrahim A.S yang lurus.

Matlamat ajaran Millah Abraham ini kononnya adalah untuk menegakkan sebuah negara dikenali sebagai 'The Promise Land' atau 'Tanah Perjanjian' melalui jalan jihad *qital* dengan berpaksikan sistem '*deen*' khalifah. Ini kerana mereka mendakwa ajaran Islam

yang dibawa Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* telah lama jatuh sejak tahun 1324 Hijrah selepas kejatuhan Bani Abbasiyah. Maka ajaran Islam yang diamalkan pada masa kini didakwa sebagai palsu dan meyakini bahawa Kerajaan Millah Abraham akan muncul dan dipimpin oleh Ahmad Musaddeq yang dilantik sebagai Nabi atau Rasul baharu.

Dalam mencapai matlamat ini, mereka telah menetapkan (6) Fasa perjuangan iaitu *Sirron* (dakwah secara tersembunyi), *Jahron* (dakwah secara terang), Hijrah (hijrah ke 'The Promised Land'), Jihad/*Qital* (pembunuhan/peperangan), *Futuh* (kemenangan) dan Daulah/Khalifah (tertegaknya 'deen' khalifah di muka bumi).

Di Sarawak, ajaran sesat ini mula dikesan pada tahun 2015 dan telah menular secara senyap dalam kalangan umat Islam tanpa disedari. Modus operandi kumpulan ini adalah menggunakan aplikasi media sosial seperti Webex, Telegram dan WhatsApp sebagai alat indoktrinasi terhadap sasaran mereka khususnya golongan mualaf, cetek ilmu agama dan penganggur. Lebih membimbangkan golongan profesional seperti guru, jurutera dan kontraktor turut terpengaruh dengan ideologi kumpulan ini. Dalam mendapatkan sokongan dan pengaruh, mereka pernah mengadakan beberapa perjumpaan atau *tarwiyyah* dengan beberapa tokoh politik, pihak berkuasa agama dan pakar ilmunan agama.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan hukum syarak, ajaran dan amalan Millah Abraham ini jelas bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

Rentetan itu pada 4 September 2023, Majlis Islam Sarawak telah mengeluarkan fatwa haram ke atas ajaran ini kerana mengandungi elemen-elemen seperti berikut :-

- (a) Membawa ajaran dan kerajaan baharu yakni Millah Abraham @ Ibrahim ;
- (b) Mendakwa ada Rasul selepas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*;
- (c) Mensyirikkan golongan yang tidak mengikuti ajaran Millah Abraham @ Ibrahim termasuk para ulama;
- (d) Menggabungkan tiga ajaran agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi;
- (e) Menyalahertikan maksud hari kiamat;
- (f) Memahami Al-Quran mengikut tafsiran sendiri;
- (g) Tidak melaksanakan solat lima waktu dan solat Jumaat; atau
- (h) Taksub kepada ajaran sehingga sanggup memutuskan hubungan keluarga serta suami isteri sekiranya tidak mengikuti ajaran ini.

Justeru, mengenali ajaran sesat membolehkan kita mengenal pasti ancaman terhadap akidah dan memelihara perpaduan masyarakat. Ia juga mencetus kesedaran untuk berdakwah, memberi nasihat serta melaporkan kegiatan sesat kepada pihak berkuasa demi keharmonian umat.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Khatib ingin menekankan bahawa menjaga kesucian akidah adalah tanggungjawab bersama. Ibu bapa, pendidik, dan pemimpin

masyarakat mesti berganding bahu untuk memastikan hanya ajaran yang sahih menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah disampaikan kepada masyarakat. Institusi agama juga perlu memainkan peranan dalam memperkasa pemantauan serta pendidikan secara berterusan. Daripada Irbadh bin Sariyah *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... فَإِنَّهُ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ، تَمَسَّكُوا بِهَا، وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ))

((... Dan sesungguhnya sesiapa dalam kalangan kamu yang masih hidup sepeninggalanku, maka dia akan melihat perselisihan yang banyak. Maka wajib atas kamu untuk berpegang teguh dengan sunnahku dan sunnah para Khulafa' Rasyidin yang mendapat petunjuk. Berpegang teguhlah dengannya, dan gigitlah ia dengan gigi geraham kamu, dan berhati-hatilah kamu terhadap perkara yang diada-adakan. Maka setiap (sebahagian) perkara yang diada-adakan itu adalah bid'ah, dan setiap bid'ah itu adalah sesat.))

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa perkara yang boleh kita ambil sebagai peringatan;

Pertama: Menjauhi segala bentuk ajaran sesat dengan hanya merujuk kepada sumber ajaran Islam yang muktabar;

Kedua: Sentiasa menuntut ilmu dan memelihara diri dan keluarga daripada pengaruh yang boleh memesongkan akidah;

Ketiga : Segera melaporkan sebarang kegiatan ajaran sesat kepada Pejabat Agama Islam yang terdekat.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
قُلْ إِنِّي نُهَيْتُ أَنْ أَعْبُدَ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ ۚ قُلْ لَا أَتَّبِعُ
أَهْوَاءَكُمْ ۚ قَدْ ضَلَلْتُ إِذَا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُهْتَدِينَ (٥٦)

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah yang lain dari Allah". Katakanlah lagi: "Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turut, sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku dari orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk".*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Kaum Muslimin yang dikasihi,

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.